Sepanjang tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar telah menerima dan menyemak sebanyak 33 Pemberitahuan Bertulis Alat Pembakaran Bahanapi dan 10 Pemberitahuan Bertulis Sistem Kawalan Pencemaran Udara di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Udara Bersih) 2014.

#### **2.1.3.2.2 PERISYTIHARAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN 7(5) DAN 7(6), PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (UDARA BERSIH) 2014 BAGI ALAT PEMBAKARAN BAHANAPI DAN SISTEM KAWALAN PENCEMARAN UDARA**


Sepanjang tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar telah menerima dan menyemak sebanyak 7 Perisytiharan Bertulis Alat Pembakaran Bahanapi di bawah Peraturan 7(5) dan 7(6), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

#### **2.1.3.2.3 PEMBERITAHUAN BAGI PUNCA BARU ATAU YANG DIUBAH EFFLUEN PERINDUSTRIAN ATAU EFFLUEN BERCAMPUR DI BAWAH PERATURAN 4, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 2009**

Bagi tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah menerima dan menyemak 1 pemberitahuan bagi punca baru atau yang diubah effluen perindustrian atau effluen bercampur yang diperuntukkan di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009.

#### **2.1.3.2.4 PEMBERITAHUAN BAGI PUNCA BARU PEMBUANGAN ATAU PELEPASAN KUMBAHAN DI BAWAH PERATURAN 4, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN) 2009**

Bagi tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah menerima dan menyemak 2 pemberitahuan bagi punca baru pembuangan atau pelepasan kumbahan yang diperuntukkan di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.




**Graf 2.11 Kelantan :** Pemberitahuan Bertulis Dan Perisytiharan Bertulis Yang Diterima Dan Disemak Tahun 2015

#### 2.1.3.2.5 PELAPORAN PEMATUHAN KENDIRI PREMIS SECARA ATAS TALIAN

Selain daripada menjalankan penguatkuasaan secara pemeriksaan ke atas premis, pematuhan sendiri premis juga dipantau melalui atas talian. Terdapat beberapa aplikasi yang telah dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia bagi memantau pematuhan sendiri oleh premis-premis. Aplikasi-aplikasi tersebut termasuklah:

##### 1. Online Environmental Reporting (OER)

Sistem OER dibangunkan bagi menaiktaraf sistem Monthly Discharge Monitoring Report (MDMR). Menurut Arahan Pejabat Bil. 1/2015 bertarikh 12 Januari 2015, sebagai menyeragamkan frekuensi pelaporan pelepasan efluen perindustrian, kumbahan dan air resapan oleh pihak industri, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah menyediakan Garis Panduan Penyeragaman Frekuensi Pelaporan Pelepasan Efluen Perindustrian, Kumbahan dan Air Resapan. Garis Panduan ini adalah sebagai langkah bagi penyeragaman dalam melaksanakan penguatkuasaan dan memastikan pihak industri mengemukakan pelaporan mengikut frekuensi pelaporan yang telah ditetapkan selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan berkaitan. **Graf 2.12** menunjukkan bilangan dan peratusan penggunaan OER oleh premis yang telah mendaftar dan menggunakan Sistem OER pada tahun 2015.




**Graf 2.12 Kelantan :** Status Penggunaan Sistem OER Oleh Industri Tahun 2015

## 2. Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS)


Aplikasi eSWIS telah dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat bagi menaiktaraf Sistem E-Consignment Note (ECN). Aplikasi eSWIS ini telah dilancarkan pada 27 Mei 2015 semasa Program Pelancaran Pusat Kecemerlangan Bahan Berbahaya dan Industri Hijau yang bertempat di Taboh Naning, Melaka.

Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 645 buah premis telah mendaftar ke dalam sistem eSWIS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 590 buah premis yang aktif menggunakan sistem tersebut manakala selebihnya sebanyak 45 buah premis berstatus tidak aktif. Peratusan premis yang aktif adalah 91.3%.



**Graf 2.13 Kelantan :** Status Penggunaan eSWIS Bagi Tahun 2015

**Graf 2.14** menunjukkan kuantiti buangan terjadual mengikut jenis industri yang dijana melalui sistem eSWIS.




**Graf 2.14 Kelantan** : Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dihasilkan Mengikut Jenis Industri Yang Dijana oleh Sistem e-SWIS Bagi Tahun 2015

### 3. Continuous Emission Monitoring System (CEMS)

Sistem Pemantauan Pengeluaran Secara Berterusan (CEMS) dibangunkan bagi memantau kepekatan pencemaran udara. Sistem ini juga dapat menentukan pencapaian standard pengeluaran pencemaran udara agar mencapai nilai batas yang dihadkan sebagaimana Jadual Ketiga, Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Bagi tahun 2015, sebanyak 12 buah premis telah didaftarkan ke dalam sistem CEMS. **Graf 2.15** menunjukkan jenis industri yang telah dilengkapi dengan CEMS.



**Graf 2.15 Kelantan :** Senarai Premis Yang Dilengkapi CEMS Mengikut Jenis Industri Tahun 2015

## PENUTUP

Sebagai transformasi dan penambahbaikan terhadap kerja-kerja penguatkuasaan, Jabatan Ibu Pejabat telah memperkenalkan Pelaksanaan Aplikasi Mobile Enforcement (M-FORCE). Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah mengadakan sesi latihan M-FORCE pada 27 dan 28 April 2015 yang mana latihan ini telah disampaikan oleh pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat.



**Gambar 2.5 dan 2.6 Kelantan : Latihan M-FORCE di Sistem Pengolahan Efluen**

Sebagai langkah ke arah memantapkan operasi punca tetap, beberapa pendekatan telah dilakukan antaranya dengan menjalankan beberapa seminar kepada industri-industri.

1. Seminar Pengurusan Buangan Terjadual dan Bengkel Hands-On eSWIS Untuk Industri dan Premis

Matlamat utama seminar ini diadakan adalah untuk memberi penerangan kepada Hospital/Klinik Kerajaan dan Swasta, Industri/ premis mengenai Pengurusan Buangan Terjadual dan Pematuhan di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual)2005 beserta dengan Bengkel Hands On eSWIS bagi melatih pihak Industri membuat pelaporan secara atas talian bagi komponen utama eSWIS iaitu Notifikasi, Inventori dan Nota Konsainan. Seminar ini telah diadakan di Hotel New Pacific, Kota Bharu pada 27 Mei 2015.

2. Bengkel Hands-On Online Environmental Report (OER)

Matlamat utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi penerangan mengenai keperluan OER bagi pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling yang berkaitan serta melatih pihak industri membuat pelaporan secara atas talian bagi percontohan efluen mingguan oleh pihak premis. Bengkel ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Sri Kenali, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan pada 21 Disember 2015.

## 2.2 PUNCA BERGERAK

Unit Punca Bergerak dianggotai oleh lima(5) orang pegawai untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 terhadap kenderaan bermotor di seluruh Negeri Kelantan. Tugas-tugas tersebut adalah membuat pemeriksaan terhadap pelepasan gas dari kenderaan petrol, pelepasan asap dari kenderaan diesel, pengujian bunyi bising motosikal, audit kemudahan yang dilesenkan, pemeriksaan pengendali berkumpulan dan pemeriksaan bahan refrigerant.

**CARTA UNIT PUNCA BERGERAK TAHUN 2015**




**Carta 2.2.1 Kelantan** : Carta Organisasi Unit Punca Bergerak Tahun 2015

Sebanyak sebelas (11) operasi bersepadu bersama lain-lain agensi telah diadakan sepanjang tahun 2015. Agensi yang terlibat adalah Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Dalam operasi tersebut, Jabatan ini ditugaskan untuk memeriksa pelepasan gas dari kenderaan petrol, pelepasan asap dari kenderaan diesel, pengujian bunyi bising motosikal.


Pelepasan dari kenderaan bermotor telah dikenalpasti sebagai salah satu penyumbang kepada pencemaran udara dan masalah jerebu. Pelepasan asap serta gas seperti karbon monoksida, sulphur dioxida, oksida-oksida nitrogen, hidrokarbon, partikulat merupakan bahan pencemaran berpunca dari kenderaan bermotor terutamanya dari enjin pembakaran dalaman, samada enjin yang menggunakan bahan api diesel ataupun petrol. Tiga(3) peraturan telah digubal untuk menangani masalah pelepasan gas dan asap daripada kenderaan bermotor iaitu, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.

Beberapa kaedah telah digunakan dalam melaksanakan menguatkuasa peraturan-peraturan tersebut, antaranya adalah menahan kenderaan secara terpilih (Ops Statik), Ops Catat/Videocam pemantauan menggunakan kamera video, pemeriksaan berkala pengendali berkumpulan dan pelantikan kemudahan yang dilesenkan. Dalam hal berkaitan, 41 operasi menahan kenderaan secara terpilih (Ops Statik) telah berjaya dilaksanakan dimana 3138 kenderaan diesel diperhatikan dan daripada jumlah sebanyak 1723 kenderaan diesel telah ditahan untuk diuji secara visual. Selepas ujian secara visual sebanyak 1066 kenderaan diesel telah diuji menggunakan meter asap dan sebanyak 54 buah kenderaan telah melepaskan asap melebihi tahap yang dibenarkan iaitu 50HSU atau 48.5% opacity dan telah ditawarkan kompaun. Peratusan yang gagal ujian pelepasan asap adalah 1.72 % daripada keseluruhan kenderaan yang diuji manakala yang selebihnya iaitu sebanyak 98.28 % kenderaan dikategorikan patuh. Manakala 3138 kenderaan diesel telah diperhatikan dan dari jumlah itu 87 kenderaan diesel telah diarah untuk menjalani ujian semula di PUSPAKOM.



**Rajah 2.2.1 Kelantan :** Menunjukkan statistik ujian pelepasan asap kenderaan diesel sepanjang tahun 2015

Sementara itu sebanyak 152 ops catat/videocam telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Sebanyak 21,492 buah kenderaan telah diperhatikan pelepasan ketumpatan asap dan sebanyak 67 buah kenderaan diesel telah dikenakan notis Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 supaya hadir untuk ujian pelepasan asap di PUSPAKOM.



**Rajah 2.2.2 Kelantan:** Bilangan kenderaan Yang Dikeluarkan Notis Di Bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Mengikut Jenis Sepanjang Tahun 2015



**Gambar 2.2.1 Kelantan** : Pengujian Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Diesel Semasa Ops Statik.

Bagi pemeriksaan kenderaan petrol, 32 operasi telah berjaya dilaksanakan di mana 263 kenderaan telah diuji dan tiada kenderaan telah ditawarkan kompaun kerana kadar pelepasan CO/HC tidak melebihi tahap yang dibenarkan iaitu 4.5% bagi CO dan 800 ppm bagi HC. Sementara 3 operasi pemeriksaan pelepasan gas daripada motosikal dan daripada operasi tersebut sebanyak 21 buah motosikal telah diuji dan kesemuanya mematuhi standard pelepasan karbon monoksida (CO) iaitu 4.5%.

Pemeriksaan kawalan pelepasan bunyi bising motosikal pula telah diadakan sebanyak 2 kali dimana 24 buah motosikal telah diuji dan semua motosikal yang diuji adalah mematuhi standard yang ditetapkan.

Sebanyak 10 kali pemeriksaan ke premis pengendali berkumpul telah berlaku sepanjang tahun 2015. Pengendali berkumpul adalah syarikat yang mempunyai lebih daripada 10 buah kenderaan diesel. Aspek yang diperhatikan semasa pemeriksaan adalah pengendalian baham buangan terjadual dan rekod pemeriksaan kenderaan berkala dengan PUSPAKOM. Daripada rekod JAS terdapat sebanyak 20 buah pengendali berkumpul.

Penguatkuasaan bahan refrigerant adalah untuk memastikan bahawa bahan refrigerant yang terlarang di bawah Protokol Montreal tidak lagi digunakan dalam pasaran. Sebanyak 10 buah premis yang menjual bahan refrigerant telah diperiksa secara rawak sepanjang tahun 2015 dan semuanya mematuhi larangan tersebut.



**Gambar 2.2.2 Kelantan :** Pemeriksaan Premis Pengendali Berkumpulan



**Gambar 2.2.3 Kelantan :** Pemeriksaan Bahan Refrigerant

### 2.3. OMPT/ADUAN DAN TUMPAHAN MINYAK

Unit Aduan/Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka diletakkan di Bahagian Operasi yang diketuai oleh pegawai berpangkat Pegawai Kawalan Kanan (Gred C44) dibantu oleh seorang Penolong Kawalan Tertinggi (C38), seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan (C32) dan dua orang Penolong Jurutera (J29). Unit ini berperanan menangani masalah aduan pencemaran alam sekitar dan mengambil tindakan seperti mana kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan – Peraturan di bawahnya. Selain daripada itu Unit ini juga memainkan bertanggung jawab bertindak sebagai penyelaras Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Masalah Jerebu




Carta 2.3.1 Kelantan : Carta Organisasi Unit OMPT/Aduan dan Kotigensi Tahun 2015.

### 2.3.1 PENGUATKUASAAN TERHADAP PEMBAKARAN TERBUKA


Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah melakukan pendekatan dan penguatkuasaan secara menyeluruh bagi mencegah berlakunya pembakaran terbuka. Kempen kesedaran dan pendidikan berkaitan impak pembakaran terbuka kepada alam sekitar dan kesihatan awam menjadi fokus utama dalam kempen ini disamping kepentingan udara bersih. Kelantan FM juga digunakan sebagai media dalam kempen ini melalui wawancara dan hebahan dari masa ke semasa supaya orang ramai tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya dalam musim panas dan kering kerana berpotensi untuk merebak menjadi kebakaran yang lebih besar dan mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa. Pemantauan melalui udara dan darat turut digunakan dalam kawalan dan pencegahan pembakaran terbuka. Rondaan udara dan darat ini akan dipertingkatkan dalam musim kemarau kerana masa inilah bilangan hotspot dan pembakaran terbuka akan meningkat.

Sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukan untuk pembinaan infrastruktur tambahan di bawah program pengurusan dan pencegahan kebakaran tanahgambut yang sering terbakar. Dengan peruntukkan ini 2 buah telaga tiub baru telah dibina bagi menyalurkan air ke kawasan tanah gambut yang sering terbakar, tambahan kepada 5 buah telaga tiub dan 13 buah check dam yang sedia ada. Kemudahan ini terletak di Beris Lalang, Bachok dan Mk. Apam, Pasir Mas memandangkan dua kawasan tanah gambut yang sering terbakar setiap tahun. Di bawah program ini juga sebanyak 5 mesyuarat penyelerasan pelaksanaan Program Tanah Gambut Yang Sering Terbakar telah diadakan bagi membincangkan dan penyelarasan tindakan kawalan dan pencegahan kebakaran di tanah gambut. Agensi yang terlibat terdiri daripada JAS, JMG, JPS, IADA, Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Bachok, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas dan Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok.

Satu mekanisma pemantauan pengesanan titik panas(Hotspot) melalui satelit telah diguna pakai oleh JAS bagi tujuan mengesan kes-kes pembakaran terbuka. Bagi tahun 2015 sebanyak 172 titik panas telah dikesan di seluruh Negeri Kelantan. Daripada jumlah ini kebakaran hutan merupakan kes tertinggi dikesan iaitu sebanyak 62 kes.. Manakala Jajahan Gua Musang menjadi lokasi yang paling kerap dikesan berlakunya pembakaran terbuka. (rujuk rajah 4.1 dan rajah 4.2 )



**Rajah 2.3.1 Kelantan :** Kategori Jenis Kebakaran Yang Dikesan Oleh Satelit



**Rajah 2.3.2 Kelantan:** Kes Hotspot Dikesan Mengikut Jajahan


### 2.3.2 PENGURUSAN KEBAKARAN DI KAWASAN TANAH GAMBUT YANG SERING TERBAKAR

Kawasan tanah gambut di Beris Lalang Bachok dan Mukim Apam Pasir Mas merupakan kawasan tanah gambut yang telah dikenalpasti sebagai kawasan '*fire prone areas*' di Negeri Kelantan yang sering berlaku pembakaran terbuka pada musim panas dan kering pada setiap tahun. Walaupun tindakan pemadaman kebakaran berjaya dipadamkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, pelepasan asap dari kawasan yang terbakar menjadi masalah utama kerana masih terdapat api pembaraan di dalam tanah gambut tersebut yang sukar dipadamkan kerana sumber air yang terhad sehingga menyebabkan kemerosotan kualiti udara di kawasan sekitar dan menjadi rungutan orang awam serta kes-kes aduan berulang.

Sehubungan dengan itu, bagi menangani masalah pembakaran di kawasan tanah gambut yang sering terbakar, satu Pelan Tindakan Bersepadu di antara agensi agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang terdiri dari Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains. Agensi lain yang turut serta menganggotai Jawatankuasa Pengurusan Tanah Gambut Yang Sering Terbakar adalah Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Majlis Daerah Bachok, Majlis Daerah Pasir Mas, Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas dan Projek Kemasin Semerak (IADA) telah dilaksanakan untuk kawasan tanah gambut di Bachok dan Pasir Mas dengan mewujudkan konsep pengurusan air bagi tujuan mengekalkan kelembapan dan meninggikan paras air pada tanah gambut. Untuk mencapai konsep ini, strategi membekalkan sumber air dengan pembinaan telaga air tanah atau tube well, sekatan saluran air dengan pembinaan check dam bagi memantau kebakaran di atas tanah gambut telah dilaksanakan. Sejumlah 16 buah check dam telah siap dibina di kawasan Bachok di kawasan Pasir Mas. Konsep check dam dan saluran (sungai dan parit) ini bukan sahaja sebagai langkah mengekalkan kelembapan kepada tanah gambut tetapi juga sebagai bekalan air bagi tujuan pemadaman oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Manakala lokasi fire prone area di Beris Lalang, terdapat 5 unit tube well yang telah siap dibina sedalam 60 meter yang menjadi sumber air bagi kawasan sekitar lokasi pembakaran tanah gambut tersebut yang meliputi sebahagian besarnya adalah kawasan tanah milik petani yang berfungsi bagi membekal dan mengalirkan air kepada sekitar kawasan tanah gambut tersebut sekiranya berlaku kebakaran. Sebanyak 83 buah papan tanda larangan pembakaran terbuka juga telah dipasang di sekitar kawasan Bachok dan Pasir Mas untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran orang awam supaya tidak melakukan pembakaran terbuka di tanah gambut



**Gambar foto 2.3.1 Kelantan : Kebakaran di tanah gambut**




**Gambar Foto 2.3.2 Kelantan :** Pembinaan 'check dam' dan tube well untuk meningkatkan paras air.




**Gambar foto 2.3.3 Kelantan :** Sebahagian Infra yang dibina untuk membantu mengawal kebakaran.

### 2.3.3 ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR


Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah menerima sebanyak 74 aduan berhubung pencemaran sepanjang tahun 2015. Aduan pencemaran udara mencatatkan jumlah aduan tertinggi yang diterima iaitu sebanyak 48 kes (65%), diikuti aduan pencemaran air sebanyak 17 kes (23%), 1 kes (1%) berkaitan bunyi bising, 1 kes (1%) berkaitan buangan terjadual dan lain-lain jenis aduan sebanyak 7 kes (10%) daripada 48 kes aduan pencemaran udara yang diterima, aduan pembakaran terbuka mencatatkan bilangan aduan yang paling tinggi iaitu 29 kes (39%). Antaranya merupakan titik panas (hotspots) yang dikesan melalui satelit berpunca daripada pembakaran hutan, kebakaran di ladang getah dan kelapa sawit, tapak pelupusan sampah, tapak binaan, industri dan kebun-kebun pertanian. Trend aduan yang diterima bagi tahun 2015 didapati lebih rendah dari tahun sebelumnya. Aduan pencemaran udara tetap menjadi aduan yang paling kerap diterima sejak tempoh lapan tahun kajian. (sila rujuk Rajah 4.3 dan 4.4 ). Jajahan Kota Bharu didapati paling tinggi menerima aduan (29 kes) diikuti oleh Gua Musang( 23 kes), (rujuk Rajah 4.5 )



**Rajah 2.3.3 Kelantan :** Pecahan Aduan Yang Diterima Mengikut Kategori Bagi Tahun 2015



**Rajah 2.3.4 Kelantan :** Perbandingan bilangan jenis aduan pencemaran daripada tahun 2008 hingga tahun 2015.



**Rajah 2.3.5 Kelantan :** Jumlah Aduan Yang Diterima Mengikut Jajahan Bagi Tahun 2015.

## 2.4 UNIT MAHKAMAH

Tindakan undang-undang merupakan bidang yang dipertanggungjawabkan kepada Unit Mahkamah. Unit ini diletakkan di Bahagian Operasi yang diketuai oleh pegawai berpangkat Penolong Pegawai Kawalan Kanan (Gred C32) dibantu oleh seorang Penolong Tadbir (N17). Unit ini berperanan mengemaskini kertas siasatan, mendaftar kes di mahkamah dan menyelesaikan kes-kes yang diambil tindakan saman di mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan – Peraturan di bawahnya.

Unit ini juga ditugaskan untuk menyelesaikan kes-kes rayuan kompaun yang diterima daripada mereka yang didapati melanggar Peraturan – Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 melalui satu jawatankuasa rayuan yang di pengurusan oleh Tuan Pengarah.



**Carta 2.4.1 Kelantan :** Carta Organisasi Unit Mahkamah Tahun 2015.

### 2.4.1 TAWARAN KOMPAUN

Tawaran kompaun adalah satu daripada tindakan penguatkuasaan bagi kes yang ketidakpatuhan peraturan yang ditetapkan. Sebanyak 121 tawaran kompaun telah ditawarkan kepada premis, syarikat atau individu kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang bermaun sebanyak RM 242,000.00. Sebanyak 54 tawaran kompaun yang ditawarkan adalah ketidakpatuhan untuk kes-kes Punca Bergerak

Lain-lain kompaun dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2007, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

### 2.4.2 PENDAKWAAN

Sepanjang tahun 2015 sejumlah 14 kes mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah Berjaya diselesaikan dengan jumlah denda terkumpul sebanyak RM108,000.00. **Jadual 5.1** menunjukkan bilangan kes mahkamah yang diselesaikan mengikut bilangan kes yang didaftarkan di tiga mahkamah sesyen di Negeri Kelantan setelah mendapat izin mendakwa Timbalan Pendakwa Raya.

Dari 14 kes mahkamah yang berjaya diselesaikan, satu kes telah melalui perbicaraan sepenuhnya.

<b>Kesalahan ( Seksyen)</b>	<b>Daftar</b>	<b>Sebut/Bicara</b>	<b>Selesai</b>	<b>Denda (RM)</b>
<b>11(EP)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>00.00</b>
<b>16(1)</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>5000.00</b>
<b>22(1)</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	<b>15000.00</b>
<b>31(1)</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>8000.00</b>
<b>34A</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>79000.00</b>
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>	<b>14</b>	<b>14</b>	<b>108,000.00</b>

**Jadual 2.4.1 Kelantan :** Kes pendakwaan mengikut kesalahan bagi tahun 2015.



# BAB 3

## BAHAGIAN PENILAIAN

## PENGENALAN

Bahagian Penilaian terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Pemprosesan EIA / PAT/KB/ Input Pembangunan dan Unit Penguatkuasaan EIA. Kedua-dua unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Kawalan Kanan (C44) dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan Tertinggi (C38), seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan (C32), seorang Penolong Pegawai Kawalan (C27), 2 orang Penolong Jurutera (JA29), seorang Juruteknik Kanan (J22) dan seorang Pembantu Tadbir (KUP) (N17).

### 3.1 UNIT PEMROSESAN EIA/PAT/KB DAN INPUT PEMBANGUNAN


Unit Pemprosesan EIA/PAT/KB/Input Pembangunan ianya terdiri daripada empat pegawai iaitu seorang Penolong Pegawai Kawalan Tertinggi (C38), seorang Penolong Pegawai Kawalan (C27), dua orang Penolong Jurutera (JA29)



**Carta 3.1 Kelantan** : Carta Organisasi Unit Penguatkuasaan EIA/PAT/ KB/ Input Pembangunan Tahun 2015.

### 3.1.1 LAPORAN PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR (EIA) TAHUN 2015

Bagi tahun 2015 sejumlah 26 laporan telah diterima dan diproses. Daripada jumlah tersebut sebanyak 21 laporan lulus bersyarat, empat (4) laporan ditolak dan satu (1) lagi laporan dibatalkan. **Rajah 3.1** menunjukkan bilangan dan status pemprosesan Laporan EIA yang diterima dan diproses oleh JAS Kelantan pada tahun 2013 dan 2014. Manakala jumlah Laporan EIA yang diterima pada tahun 2010 sehingga tahun 2014 adalah ditunjukkan pada **Rajah 3.2**.




**Rajah 3.1:** Bilangan Laporan EIA yang diterima dan diproses, serta ststus proses pada tahun 2013 dan 2014




**Rajah 3.2:** Bilangan Laporan EIA yang diterima dan diproses, 2010 – 2014

### Projek-Projek EIA Mengikut Daerah

Dari segi taburan projek mengikut daerah, daripada 26 laporan EIA yang diterima pada tahun 2014, daerah Gua Musang mendahului lain-lain daerah dengan 20 projek. **Rajah 3.3**, menunjukkan bilangan Laporan EIA mengikut daerah yang diproses, pada tahun 2014. Manakala **Rajah 3.4**, menunjukkan bilangan Laporan EIA diluluskan mengikut daerah yang diproses, pada tahun 2014.




**Rajah 3.3:** Bilangan Laporan EIA mengikut daerah yang diproses, pada tahun 2014




**Rajah 3.4:** Bilangan laporan EIA diluluskan mengikut daerah yang diproses, pada tahun 2014

## Laporan EIA Diterima Mengikut Jenis Aktiviti

Daripada 26 laporan EIA yang diterima pada tahun 2014, sebanyak 18 laporan EIA adalah melibatkan aktiviti perhutanan. **Rajah 3.5**, menunjukkan bilangan laporan EIA yang diterima mengikut jenis aktiviti. Manakala bilangan laporan EIA yang mendapat kelulusan mengikut aktiviti adalah seperti di **Rajah 3.6**.



**Rajah 3.5:** Bilangan Laporan EIA yang di terima mengikut jenis Aktiviti , pada tahun 2014



**Rajah 3.6:** Bilangan laporan EIA diluluskan mengikut daerah yang diproses, pada tahun 2014.



**Gambar foto 3.1:** Lawatan tapak projek baru EIA.



**Gambar foto 3.2:** Lawatan tapak projek baru EIA.

### 3.1.2 ULASAN PAT / INPUT PEMBANGUNAN

Bagi mengalakkan kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari, Jabatan Alam Sekitar membentuk satu rangka kerja perundangan untuk memulihara alam sekitar. Para pelabur digalakkan untuk menimbang factor-faktor alam sekitar dalam peringkat awal perancangan projek-projek mereka.

Salah satu faktor penting untuk mendapatkan kelulusan alam sekitar adalah kesesuaian tapak bagi projek dicadangkan. Kesesuaian tapak di nilai dengan merujuk kepada pelan-pelan struktur atau rancangan setempat yang digazetkan, kegunaan tanah sekeliling dan juga zon penampakan.

Penilaian awal tapak menjadi proses utama bagi memastikan kesesuaian tapak bagi semua projek pembangunan yang dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar. Penilaian ini


merangkumi kedua-dua aktiviti yang ditetapkan dan tidak ditetapkan. Bagi aktiviti yang ditetapkan ppenilaian ini mestilah dillakukan sebelum kajian EIA dijalankan untuk memastikan tapak yang dipilih sesuai dengan aktiviti yang dicadangkan dan selaras dengan perancangan guna tanah sekeliling.

Pada tahun 2015, sejumlah 764 permohonan input pembangunan telah diterima melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan perunding. Permohonan yang disokong adalah 650 dan 114 ditolak. Ulasan permohonan diproses berdasarkan kepada 'Guidelines For Siting And Zoning Of Industry And Residential Area'(2012). **Jadual 8.1** di bawah menunjukkan bilangan permohonan di bawah khidmat nasihat bagi kesesuaian tapak cadangan/projek mengikut aktiviti di seluruh Negeri Kelantan tahun 2015. Di Negeri Kelantan, jumlah permohonan tersebut merangkumi 11 jajahan sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Gambarajah 8.1**. Manakala bilangan Mesyuarat *One Stop Centre* (OSC) yang dihadiri adalah 73 dan Mesyuarat Yang Berkaitan dengan Agensi Luar adalah 17. Sebanyak 11 lawatan Penilaian Awal Tapak (PAT) yang dilaksanakan bagi tahun 2015.

Bil.	Jenis Aktiviti	Bilangan Permohonan	Bilangan Lulus	Bilangan Ditolak
1.	Pembinaan Bangunan			
	i.    Kilang/Perusahaan/Premis	26	11	15
	ii.   Infrastruktur	35	35	0
2.	Projek Pembangunan			
	i.    Kebenaran Merancang	402	388	14
	ii.   Laporan Cadangan Pemajuan	29	27	2
3.	Penilaian Awal Tapak Projek EIA	32	25	7
4.	Pro-Aktif			
	i.    Lesen Mencarigali	35	21	14
	ii.   Lesen Penjelajahan			
	iii.  Lesen Pajakan Melombong	1	0	1
	iv.   Lesen Melombong Tuan Punya	3310	24	9
			8	2

5.	Lain-Lain			
	i. Ulasan Am	137	95	42
	ii. Lesen Pendudukan Sementara dan Permit	22	12	8
	iii. Pecah Sempadan	2	2	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>764</b>	<b>650</b>	<b>114</b>

**Jadual 3.1 Kelantan :** Bilangan Khidmat Nasihat PAT mengikut Aktiviti Tahun 2015



**Rajah 3.7 Kelantan :** Bilangan Permohonan Mengikut Jajahan.

### 3.1.3 KEBENARAN BERTULIS

Sesiapa yang berhasrat untuk membina ke atas mana-mana tanah atau mana-mana bangunan, atau menjalankan kerja yang akan menyebabkan tanah atau bangunan menjadi premis ditetapkan (kilang minyak sawit mentah, kilang memproses getah asli mentah, dan kemudahan (pengolahan dan pelupusan buangan terjadual) seperti yang

dinyatakan di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pemaju atau pemohon mesti mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Pada tahun 2015, JAS Kelantan telah menerima dan memproses sebanyak 3 permohonan Kebenaran Bertulis (KB) di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 8.2** di bawah.

Bil	Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan Yang Diproses
1.	Kebenaran Bertulis bagi Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual Dan Pengangkutan	3

**Jadual 3.2 Kelantan :** Bilangan Permohonan Kebenaran Bertulis Tahun 2015

### 3.1.4 LAWATAN TAPAK KE ATAS PROJEK PAT

Lazimnya selepas menerima sesuatu permohonan, tapak cadangan akan dikaji dari segi kesesuaian tapak melalui maklumat yang dikemukakan dan juga lawatan tapak. Pelbagai aspek alam sekeliling diambil kira dalam penilaian awal tapak bagi memastikan sesuatu projek yang berpotensi tidak memberi kesan pencemaran kepada alam sekeliling. Berikut adalah beberapa gambar foto lawatan yang dijalankan sepanjang tahun 2015.




Lawatan Tapak Cadangan Di Bukit Kuari, Pasir Puteh, Kelantan

**Gambar 3.3 Kelantan :** Sebahagian Lawatan Penilaian Awal Tapak Tahun 2015.



Lawatan ke kilang kayu di Kuala Krai, Kelantan

**Gambar 3.4 Kelantan :** Sebahagian Lawatan Penilaian Awal Tapak Tahun 2015.




Lawatan ke tapak cadangan untuk pelupusan sisa kumbahan  
di Tanah Merah, Kelantan

**Gambar 3.5 Kelantan :** Sebahagian Lawatan Penilaian Awal Tapak Tahun 2015.

### 3.2 UNIT PENGUATKUASAAN EIA

Unit Penguatkuasaan EIA ianya terdiri daripada dua pegawai iaitu seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan (C32) dan seorang Juruteknik Kawalan Kanan (JTK22) serta dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir (KUP) (N17).




**Carta 3.2 Kelantan :** Carta Organisasi Unit Penguatkuasaan EIA Tahun 2015.

### 3.2.1 PENGUATKUASAAN EIA

Untuk mengenalpasti status pembangunan dan pematuhan projek-projek EIA, Penguatkuasaan EIA di bahagikan kepada dua kawasan iaitu Kawasan 1 (Jajahan Kota Bharu, Jajahan Bachok, Jajahan Pasir Putih, Jajahan Tumpat, Jajahan Pasir Mas, Jajahan Machang, Jajahan Tanah Merah, Jajahan Jeli dan Jajahan Kuala Krai) di jalankan oleh (Pasukan Penguatkuasaan EIA, Pejabat JAS Kota Bharu) Pejabat Kota Bharu manakala Kawasan 2 (Jajahan Gua Musang dan Jajahan Kecil Lojing) di jalankan oleh Cawangan Gua Musang.

Sebanyak 176 siasatan Penguatkuasaan EIA telah dijalankan sepanjang tahun 2015. Daripada jumlah siasatan tersebut sejumlah 109 notis arahan, 107 surat arahan, 36 kompaun, lima (5) perintah larangan dan dua (2) pemaju telah didakwa di mahkamah kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan seperti ditunjukkan pada **Rajah 6.7, (Bilangan Tindakan Perlanggaran syarat kelulusan Laporan EIA, pada tahun 2015)**



**Rajah 3.7:** Bilangan Tindakan Perlanggaran syarat kelulusan Laporan EIA, pada tahun 2015.



**Gambar foto 3.6:** kawasan tapak projek yang telah menjalankan tanaman penutup bumi.



**Gambar foto 3.7:** pandangan daripada udara, projek tanaman.

### 3.3 PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN EIA

Selaras dengan hasrat kerajaan ke arah pembangunan yang lestari, sebarang pembangunan hendaklah dapat *meminimumkan pencemaran alam sekitar*. Justeru itu, Seksyen 34A telah dipinda buat pertama kalinya sejak tahun 1986 dengan tujuan untuk memperkukuhkan dan menambahbaik sistem dan mekanisma EIA di Malaysia. Pindaan tersebut telah diwartakan pada Ogos 2012 dan dikuatkuasakan pada 2 Januari 2013. Komponen utama pindaan kepada Seksyen 34A adalah :-

- a) ana-mana orang yang berhasrat untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah melantik orang yang layak untuk menjalankan penilaian kesan kepada alam sekeliling dan untuk mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Pengarah mengikut cara bagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah;
- b) Ketua Pengarah tidak boleh meluluskan laporan EIA sekiranya laporan itu tidak mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan, dengan memberikan alasan untuk tidak meluluskan, dan hendaklah memaklumkan orang itu dan pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan dengan sewajarnya; dan
- c) Penalti terhadap pelanggaran seksyen 34A ini dinaikkan kepada tidak lebih daripada RM 500,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima (5) tahun atau kedua-duanya.

Bagi memperkukuhkan elemen penguatkuasaan dan sebagai langkah pencegahan, satu Seksyen baru, iaitu Seksyen 34AA telah diperkenalkan yang memberikuasa kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk memberhentikan kerja orang yang menjalankan aktiviti yang ditetapkan tanpa kelulusan di bawah subseksyen 34A(3); yang mencabuli apa-apa syarat yang dilampirkan pada kelulusan laporan itu; atau yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah dijalankan mengikut cara yang mungkin menyebabkan kerosakan alam sekeliling.

Perintah Larangan atau Perintah Berhenti Kerja itu boleh dikeluarkan bagi maksud menghalang aktiviti yang ditetapkan daripada berterusan sama ada secara mutlak

atau bersyarat; atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; atau sehingga kehendak untuk meremedi sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah telah dipatuhi.

### **3.4 PERSIJILAN MS ISO 9001:2008**

JAS telah memperolehi sijil MS ISO 9001:2008 sejak 19 Mac 2010 bagi skop pemprosesan Laporan EIA dan penguatkuasaan syarat-syarat kelulusan EIA. Pensijilan sijil MS ISO 9001:2008 akan berakhir pada 18 Mac 2016, sebelum berakhirnya tarikh ini pihak Audit Pensijilan Semula oleh badan pensijilan SIRIM QAS Sdn. Bhd. akan dijalankan bagi tujuan pensijilan semula.




# BAB 4

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

## 4.1 UNIT PENGAWASAN

Unit Pengawasan diletakkan dibawah Bahagian Pembangunan dan dipertanggungjawabkan kepada seorang Penolong Jurutera bagi melaksanakan aktiviti atau program pengawasan kualiti alam sekitar melibatkan Program Pengawasan Kualiti Air Marin (Laut) dan Program Pengawasan Kualiti Air Bawah Tanah manakala Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) merupakan syarikat konsesi melaksanakan Program Pengawasan Kualiti Udara Persekitaran dan Program Pengawasan Kualiti Air Daratan (Sungai) yang melibatkan proses persampelan, analisis, pengumpulan, pemprosesan data serta pelaporan ke Jabatan Alam Sekitar.

Carta 4.1 menunjukkan carta organisasi Unit Pengawasan dan Stor Teknikal Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan bagi tahun 2015.



**Carta 4.1 Kelantan :** Carta Organisasi Unit Pengawasan dan Stor Teknikal tahun 2015.


## STATUS PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR

Aktiviti atau Program pengawasan kualiti alam sekitar yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar di Negeri Kelantan adalah amat mustahak dalam merangka strategik dan pelan pemuliharaan alam sekitar, pencegahan dan pengawalan pencemaran alam sekitar. Maklumat dan data yang diperolehi dari aktiviti pengawasan kualiti alam sekitar ini juga amat penting dan berguna bagi agensi-agensi kerajaan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga orang ramai dalam membuat sesuatu keputusan dalam aspek perancangan pembangunan dan kajian penyelidikan.

## PEMANTAUAN KUALITI UDARA

Sepanjang tahun 2015, pengawasan kualiti udara dilaksanakan melalui dua buah (2) stesen automatik iaitu di SMK Tanjung Chat, Kota Bharu (Kawasan Bandar) dan Sekolah Kebangsaan Tanah Merah (Kawasan Perindustrian). Kedua-dua stesen ini dapat mencerap data-data pencemaran udara secara automatik untuk tempoh 24 jam bagi disalurkan terus (telemetri) ke pusat kawalan. Seterusnya, pelaporan dalam bentuk Indeks Pencemaran Udara (IPU) akan diberikan kepada jabatan bagi tindakan selanjutnya.


IPU dikira berdasarkan bacaan tertinggi subindeks bagi parameter iaitu Partikulat Terampai bersaiz kurang daripada 10 mikron (PM<sub>10</sub>), Sulfur Dioksida (SO<sub>2</sub>), Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>), Ozon (O<sub>3</sub>) dan Karbon Monoksida (CO). Status Kualiti Udara ditentukan mengikut Nilai Purata Indeks Pencemaran Udara (IPU) seperti **Rajah 4.1**.




Rajah 4.1 Kelantan: Pengiraan Indeks Pencemaran Udara (IPU)

Status Kualiti Udara bagi Stesen Pemantauan di SMK Tanah Merah, Tanah Merah yang mewakili kawasan perindustrian dapat dirujuk dengan **Rajah 4.2** dan **Rajah 4.3**.

Berdasarkan analisa data 53% (192 hari) tahap kualiti udara berada dalam keadaan baik berbanding dengan 1% (5 hari) tahap kualiti udara berada dalam keadaan tidak sihat manakala 0% bagi tahap kualiti udara sangat tidak sihat atau berbahaya.




**Rajah 4.2 Kelantan:** Status kualiti udara berdasarkan peratusan dan bilangan hari.




**Rajah 4.3 Kelantan:** Purata IPU di Stesen Pemantaun SMK Tanah Merah bagi tahun 2015.

Status Kualiti Udara bagi Stesen Pemantauan SMK Tanjung Chat, Kota Bharu yang mewakili kawasan bandar dapat dirujuk melalui **Rajah 4.4** dan **Rajah 4.5**.


Berdasarkan analisa data 81% (294 hari) tahap kualiti udara berada dalam keadaan sederhana berbanding dengan 1% (5 hari) tahap kualiti udara berada dalam keadaan tidak sihat manakala 0% bagi tahap kualiti udara sangat tidak sihat atau berbahaya.



**Rajah 4.4 Kelantan:** Status kualiti udara berdasarkan peratusan dan bilangan hari.



**Rajah 4.5 Kelantan:** Purata IPU di Stesen Pemantaun SMK Tanjung Chat, Kota Bharu bagi tahun 2015.




**Gambarfoto 4.1 Kelantan: Stesen Pengawasan Udara Persekitaran (ambient).**

## PEMANTAUAN KUALITI AIR TANAH

Program Pengawasan Kualiti Air Tanah Kebangsaan telah dimulakan pada tahun 1997. Kedudukan stesen air tanah di Negeri Kelantan adalah seperti **Rajah 4.6**.

Pengukuran parameter-parameter fizikal kualiti air tanah dijalankan secara in-situ bagi menentukan tahap ukuran seperti suhu, pH, konduktiviti, kekeruhan, kemasinan dan oksigen terlarut. Parameter-parameter yang dianalisa di makmal adalah bagi menentukan tahap kandungan bahan kimia organik meruap seperti (VOC), hidrokarbon, racun perosak, logam berat, anion, bakteria, sebatian berfenol, jumlah keliatan dan jumlah pepejal terampai.

Peralatan yang digunakan adalah khusus untuk membuat persampel air tanah termasuklah pam *hidrolift*, tiub HDPE, alat mengukur kedalaman air, generator, *multiprobe* dan botol persampelan



**Rajah 4.6 Kelantan:** Peta lokasi kedudukan telaga pemantauan air tanah Negeri Kelantan.

Pada tahun 2015, sebanyak 60 pensampelan diambil dan dianalisa daripada 15 buah telaga pemantauan di 10 lokasi berbeza di Negeri Kelantan yang merangkumi pelbagai kategori guna tanah iaitu padang golf, tapak pelupusan sampah, perindustrian, perbandaran, pinggir bandar dan pertanian seperti di **Jadual 4.1**.

Pada tahun 2015, kerja-kerja penyelenggaraan kedalaman telaga bagi kesemua 15 telaga telah dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh Ibu Pejabat yang merangkumi kerja-kerja mencuci screen dan penggantian paip HDPE dan injap kaki.

Kategori Guna Tanah	Bilangan Telaga
Padang Golf/Golf Courses	4
Tapak Pelupusan Sampah/Landfill	3
Tapak Perindustrian/Industrial Sites	2
Perbandaran/Urban	2
Pinggir Bandar/Suburban	2
Pertanian/Agricultural	2
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>

**Jadual 4.1 Kelantan :** Senarai telaga pemantauan air tanah mengikut kategori guna tanah



**Gambar foto 4.2 Kelantan:** Kerja-kerja persempelan air bawah tanah.



**Gambar foto 4.3 Kelantan:** Kerja-kerja penyelenggaraan telaga air bawah tanah.


Sepanjang tahun 2015, kualiti air bawah tanah di Negeri Kelantan yang dipantau melalui keseluruhan mengikut Had standard Standard Air Tanah Kebangsaan seperti **Jadual 4.2**.

BIL	PARAMETER	UNIT	JENIS ANALISA	KOD	STANDARD
1	TOTAL HARDNESS	mg/l	KELIATAN	CaCO <sub>3</sub>	500
2	TOTAL DISSOLVED SOLIDS	mg/l	PEPEJAL TERLARUT	TDS	1000
3	CHLORIDE	mg/l	ANION	Cl	250
4	NITRATE	mg/l	ANION	NO <sub>3</sub>	10
5	SULPHATE	mg/l	ANION	SO <sub>4</sub>	250
6	T-COLIFORM	MPN/100ml	BAKTERIA	T_COLI	0
7	PHENOLICS	mg/l	PHENOL	PHE	0.002
8	ARSENIC	mg/l	HEAVY METAL	As	0.01
9	MERCURY	mg/l	HEAVY METAL	Hg	0.001
10	CADMIUM	mg/l	HEAVY METAL	Cd	0.03
11	CHROMIUM	mg/l	HEAVY METAL	Cr	0.05
12	COPPER	mg/l	HEAVY METAL	Cu	1
13	FERUM (IRON)	mg/l	HEAVY METAL	Fe	0.3
14	PLUMBUM (LEAD)	mg/l	HEAVY METAL	Pb	0.01
15	MANGANESE	mg/l	HEAVY METAL	Mn	0.1
16	ZINC	mg/l	HEAVY METAL	Zn	3
17	SELENIUM	mg/l	HEAVY METAL	Se	0.01

**Jadual 4.2 Kelantan:** Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan.


Terdapat beberapa stesen pemantauan melebihi parameter yang ditetapkan bagi kesemua analisis kimia, Jumlah Bakteria dan Logam Berat . Daripada 17 parameter standard yang dipantau terdapat 8 parameter yang dikesan melebihi had standard.

Parameter yang melebihi standard adalah seperti Pepejal Terlarut, *Chloride*, *Nitrate*, *Total Cloiform*, *Phenolic*, *Arsenic*, *Ferum* dan *Manganese*. Rujuk **Rajah 4.7** hingga **Rajah 4.9**.



**Rajah 4.7 Kelantan:** Purata Kandungan Bagi Parameter Chloride, Dissolved Solid, Nitrate dan Total Coliform Di Negeri Kelantan 2015.


### Purata Kandungan Bagi Parameter Phenolics Dan Arcenic Di Negeri Kelantan, Tahun 2015



STESEN PENGAWASAN

Rajah 4.8 Kelantan: Purata Kandungan Bagi Parameter Phenolics Dan Arcenic Di Negeri Kelantan, Tahun 2015

### Purata Kandungan Parameter Ferum dan Manganese Di Negeri Kelantan, Tahun 2015



Stesen Pengawasan

**Rajah 7.9 Kelantan:** Purata Kandungan Parameter Ferum dan Manganese Di Negeri Kelantan, Tahun 2015.

Status kualiti air tanah berdasarkan kepada parameter utama sepanjang program pengawasan tahun 2015. Rujuk Jadual 4.3

ID Stesen	Lokasi	Parameter																
		TOTAL HARDNES S	DISSOLVE D SOLIDS	CHLORIDE	NITRATE	SULPHATE	T. COLIFORM	PHENOLIC S	ARSENIC	MERCURY	CADMIUM	CHROMIUM M	COPPER	FERUM (IRON)	PLUMBU M (LEAD)	MANGAN ESE	ZINC	SELENIUM
MW(7)-D11-1-6.10	SK Jelawat	69.25	170	20.925	5.2	14.85	261.2	0.1	0.0011	0.0001	0.0002	0.00025	0.0012	0.037	0.00145	0.19008	0.01288	0.06035
MW(7)-D11-2-5.09	SMK Jelawat	42.25	194.5	8.775	0.07	4.25	32.575	0.1125	0.5145	0.0001	0.0002	0.00048	0.00078	5.7815	0.00113	0.17218	0.0069	1.49043
MW(7)-D15-1-4.05	SK Beris Lalang	61	234	114.55	2.3	6.95	3.05	0.0425	0.0008	0.0001	0.0002	0.00025	0.0012	0.04945	0.00378	0.0125	0.00735	0.01827
MW(7)-D3-1-6.37	Kelab Golf & Desa Pkln. Chepa	109	285	23.93	0.2175	0.3895	43.85	0.305	0.0088	0.0001	0.0002	0.0011	0.00093	2.33458	0.00088	0.09515	0.00193	0.60813
MW(7)-D3-1-6.90	Kelab Golf & Desa Pkln. Chepa	56.75	238.25	44.75	0.6825	5.8	43.85	0.34	0.0066	0.0001	0.0002	0.00085	0.00105	1.50678	0.00095	0.01823	0.00568	0.38291
MW(7)-D6-1-7.58	Kg. Jembal	113.25	477.5	8.7	0.08775	0.275	5.6	0.4225	0.0114	0.0001	0.0002	0.00098	0.0021	0.49145	0.0009	0.13145	0.01455	0.15959
MW(7)-D6-2-4.24	Eastern Garment MFG Pkln. Chepa	47.45	97	3.195	6.8425	8.9025	1.8	0.245	0.0021	0.0001	0.00025	0.00073	0.00095	1.04283	0.0013	0.03783	0.00328	0.27131
MW(7)-D6-2-51.38	Eastern Garment MFG Pkln. Chepa	353.35	1048.5	272.5	0.0654	0.2835	1.8	0.2725	0.0219	0.0001	0.0002	0.00085	0.00163	9.04693	0.00093	0.33225	0.00143	2.34538
MW(7)-D6-3-13.43	Panji Landfill	162.25	282.5	13.7	0.0785	0.168	1.8	0.3575	0.0003	0.0001	0.0002	0.0007	0.0005	0.33438	0.00083	0.0484	0.0037	0.09683
MW(7)-D6-3-5.34	Panji Landfill	31	59.5	6.4	2.35	8.2	1.8	0.39	0.0037	0.0001	0.0002	0.00028	0.00063	0.813	0.00103	0.035	0.01413	0.21579
MW(7)-D6-4-31.29	Kelab Golf D'Raja Kubang Kerian	40.75	93.5	6.275	0.075	0.255	1.8	0.2375	0.0182	0.0001	0.0002	0.0003	0.00045	13.5	0.00065	0.31965	0.00415	3.45611
MW(7)-D6-4-9.06	Kelab Golf D'Raja Kubang Kerian	94	297.25	107.75	3.7	14.65	1.8	0.2325	0.00875	0.0001	0.0002	0.0006	0.0017	1.655	0.0007	0.06075	0.0093	0.43144
MW(7)-D7-1-20.23	SMK Rantau Panjang	13.8	21.25	6.9025	0.0945	0.4998	1.8	0.085	0.0002	0.00018	0.0002	0.00053	0.00065	0.18305	0.00093	0.02143	0.00353	0.05223
MW(7)-D7-1-6.10	SMK Rantau Panjang	25.9	49.75	11.675	5.2295	8.5425	27.2	0.1525	0.0002	0.0001	0.0002	0.00075	0.00043	0.0169	0.00168	0.08608	0.00593	0.02764
MW(7)-D8-1-5.22	P.Mas Landfill, Kg. Pusu 40	349.975	1351.75	182.025	0.19575	15.895	33.85	0.0925	0.0036	0.0001	0.0002	0.00493	0.00718	2.33193	0.001	0.51338	0.003	0.71233

Jadual 4.3 Kelantan: Status Kualiti Air Tanah berdasarkan parameter utama bagi Negeri Kelantan, tahun 2015.


## PEMANTAUAN KUALITI AIR SUNGAI

Pemantauan Kualiti air sungai di Negeri Kelantan bagi tahun 2015 dilaksanakan melalui pemantauan terhadap lima (5) lembangan sungai utama dengan 25 buah sungai dan 56 stesen pengawasan seperti di bawah:-

Pemantauan terhadap 5 lembangan sungai utama - 18 buah sungai. Lembangan Sungai yang diawasi:

- Lembangan Sungai Kelantan (sebanyak 36 stesen)
- Lembangan Sungai Golok (7 stesen)
- Lembangan Sungai Pengkalan Datu ( 3 stesen)
- Lembangan Sungai Kemasin & Semerak (4 Stesen)
- Lembangan Sungai Pengkalan Chepa (6 Stesen).

Daripada stesen-stesen tersebut, sejumlah 277 contoh air sungai termasuk muka sauk telah diambil dan dianalisis di sepanjang tahun 2015. Lokasi dan kedudukan stesen-stesen yang terlibat dalam program pemantauan kualiti air sungai di Negeri Kelantan adalah seperti di **Rajah 4.10** menunjukkan penempatan stesen-stesen pengawasan air sungai.



**Rajah 4.10 Kelantan :** Senarai Lembangan Sungai di Kelantan Bagi Tahun 2015 melalui Penggunaan Sistem GIS.

Senarai sungai-sungai utama berdasarkan lembangan, jenis stesen pengawasan dan lokasi persampelan adalah seperti di **Jadual 4.4.** yang menunjukkan jenis stesen dan lokasi persampelan dijangka.

PROGRAM PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI NEGERI KELANTAN SENARAI STESEN PEMANTAUAN				
NEGERI	LEMBANGAN	SUNGAI	JENIS STESEN	LOKASI PERSAMPELAN
Kelantan	Kemasin	Kemasin	AMBIENT	Jambatan Sg. Kemasin, Kg. Peringat
		Semerak	AMBIENT	Jambatan kayu, Bukit Gedombak
		Kemasin	AMBIENT	Jambatan Pengkalan Baru
		Semerak	AMBIENT	Jambatan Tok Ajang, Kg. Lubuk Tembesu
Kelantan	Kelantan	Kelantan	AMBIENT	Jambatan Kusia
		Kerilla	AMBIENT	Hulu kilang kelapa sawit Ladang Kerilla (Tokong Hindu)
		Pergau	AMBIENT	Gunung Reng, Batu Melintang
		Pergau	AMBIENT	Jambatan Kampung Pasir Dusun, Jeli
		Kelantan	AMBIENT	Jambatan Sultan Yahya Petra, Kota Bahru
		Nal	BASELINE	Jambatan Kampung Kuala Pertang
		Nal	AMBIENT	Jambatan Sultan Ismail lama
		Kelantan	AMBIENT	Tangga Kerai, bandar Kuala Kerai
		Galas	AMBIENT	Bandar Gua Musang
		Berok	AMBIENT	Kampung Kuala Betis
		Betis	AMBIENT	Hulu Kampung Kuala Betis
		Ber	AMBIENT	Hilir Pos Ber
		Berok	AMBIENT	Hilir Pos Brook
		Belatop	AMBIENT	Pos Sigar
		Belatop	AMBIENT	Hulu Post Sigar
		Berok	AMBIENT	Jambatan Pos Blau
		Nenggiri	AMBIENT	RPS Orang Asli Kg. Kuala Betis
		Nenggiri	AMBIENT	Pengkalan Berakit Kg. Star
		Nenggiri	AMBIENT	Pengkalan Kg. Bertam bahru
		Lebir	BASELINE	Taman Negara Kuala Koh
		Lebir	AMBIENT	Jambatan Kg. Tualang
		Lebir	AMBIENT	Jambatan besi Kuala Pahi
		Relai	AMBIENT	Jambatan Ladang Aring 1
		Galas	AMBIENT	Hulu Galas
		Galas	AMBIENT	Jambatan gantung Kg. Pulai
		Galas	AMBIENT	Jambatan keretapi Kg. Kuala Renok
		Galas	AMBIENT	Jambatan Kg. Limau Kasturi
		Tuang	AMBIENT	Jbt. Besi Padang Kuala Tuang
		Pergau	BASELINE	Kws. Rehat Empangan Pergau
		Pergau	AMBIENT	Kg. Bukit Jering, Jeli
		Pergau	AMBIENT	Jambatan Sg. Balah, Kuala Balah
		Pergau	AMBIENT	Kampung Biak, Kuala Krai
		Sokor	AMBIENT	Kg. Tegawan
Chiku	AMBIENT	Muka sauk Felda Ciku 2 (Syarikat Air Kelantan)		
Pehi	AMBIENT	Muka Sauk Loji Air Pahi (Syarikat Air Kelantan)		
Kelantan	AMBIENT	Muka Sauk Loji Air Kelar Pasir Mas (syarika Air Kelantan)		
Kelantan	Pengkalan Chepa	Raja Gali,	AMBIENT	Jambatan Kampung Tok Sadang
		Keladi	AMBIENT	Jambatan Sg Keladi Kota Bahru – PCB
		Alor B	AMBIENT	Taman Tengku Anis
		Alor Lintah	AMBIENT	Kaw. Perindustrian Pengkalan Chepa
		Pengkalan Chepa	AMBIENT	Kg. P. Chepa (hulu)
Pengkalan Chepa	AMBIENT	Kg. P. Chepa (hilir)		
Kelantan	Pengkalan Datu	Pengkalan Datu	AMBIENT	Jambatan Pulau Melaka
		Pengkalan Datu	AMBIENT	Kampung Demit
		Pengkalan Datu	AMBIENT	Jambatan Kampung Wakaf Stan
Kelantan	Golok	Golok	AMBIENT	Jambatan bandar Rantau Panjang-Golok
		Golok	BASELINE	Kg. Kuala Sat, Jeli
		Golok	AMBIENT	Kg. Bukit Bunga
		Golok	AMBIENT	Kg. Lubok Setoi
		Golok	AMBIENT	Kg. Jeram Perdah
		Lanas	AMBIENT	Jambatan Air Lanas
Jeduk	AMBIENT	Jamb. Sg Jeduk Kg Bt Gajah Jln Tnh Merah ~ Jeli (Sykt Air Kelantan)		


**Jadual 4.4 Kelantan:** Senarai Stesen Pemantaun Kualiti Air Sungai bagi Negeri Kelantan.

Berdasarkan kepada Indeks Kualiti air yang diperolehi dari program pengawasan ini akan dapat menentukan kelas sungai dan kegunaan air bagi sungai tersebut. Rujuk **Jadual 4.5**.

KELAS	INDEKS	KEGUNAAN AIR
Kelas 1	>92.7	Dalam keadaan semulajadi
Kelas IIA	85.0-92.7	Air memerlukan rawatan konvensional
Kelas IIB	76.5-85.0	Air boleh digunakan untuk rekreasi
Kelas III	51.9-76.5	Air memerlukan rawatan intensif
Kelas IV	31.0-51.9	Hanya untuk tujuan pengairan. Kualiti air sedang
Kelas V	<31.0	Air yang tercemar

**Jadual 4.5 Kelantan :** Indeks Kualiti Air Sungai (WQI) Malaysia.

Keseluruhan status kualiti air sungai adalah antara bacaan Indeks Kualiti Air (WQI) pada Kelas II dan Kelas III. Keseluruhan stesen pemantauan menunjukkan indeks bacaan pada Kelas II melainkan 3 stesen di Lembangan Sg.Pengkalan Chepa mencatatkan nilai indeks pada Kelas III. Rujuk **Rajah 4.11**.



	Kelas I	Kelas II	Kelas III	Kelas IV	Kelas V
<u>Lembangan Sg. Kelantan</u>	0	14	0	0	0
<u>Lembangan Sg. Golok</u>	0	2	0	0	0
<u>Lembangan Sg. Kemasin</u>	0	2	0	0	0
<u>Lembangan Sg. P. Chepa</u>	0	2	3	0	0
<u>Lembangan Sg. P.Datu</u>	0	1	0	0	0
<u>Jumlah</u>		21	3		

**Rajah 4.11 Kelantan :** Status Kualiti Air Sungai berdasarkan Kelas mengikut lembangan bagi Negeri Kelantan, Tahun 2015

## PEMANTAUAN KUALITI MARIN ( KUALA, PANTAI DAN PULAU )

Status kualiti air marin dinilai menggunakan formula sebagaimana **Rajah 4.12** bagi menggambarkan tahap pencemaran dan persekitaran air marin negara. Formula ini dikenali sebagai Indeks Kualiti Air Marin Malaysia (IKAM) telah dibangunkan oleh pakar-pakar menggunakan teknik Delphi.

IKAM adalah indeks kualiti air yang umum dan dirumuskan berdasarkan parameter kualiti air tertentu seperti berikut: Oksigen Terlarut (0.2), Amonia (0.16), Faecal Coliform (0.14), Jumlah Pepejal Terampai (0.14), Minyak dan Gris (0.13), Nitrat (0.12) dan Fosfat (0.11). Angka-angka dalam kurungan menunjukkan sumbangan parameter berkenaan yang sekali gus mencerminkan kepentingan berbeza parameter-parameter terhadap kualiti air keseluruhan.

$$MWQI = SI DO^{0.2} \times SI NH_3^{0.16} \times SI FC^{0.14} \times SI TSS^{0.14} \times SI O\&G^{0.13} \times SI NO_3^{0.12} \times SI PO_4^{0.11}$$

**Rajah 4.12 Kelantan:** Formula yang digunakan bagi pengiraan IKAM.

KRITERIA DAN PIAWAIAN KUALITI AIR MARIN MALAYSIA				
PARAMETER	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	KELAS E
Kegunaan	Pemeliharaan, Kawasan Laut Dilindungi, Taman Laut	Kehidupan Laut, Perikanan, Terumbu Karang, Rekreasi dan Marikultur	Pelabuhan, Lapangan Minyak dan Gas	Paya, Bakau dan Muara Sungai
Suhu ( °C )	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum
Oksigen Terlarut (DO) (mg/L)	>80% tepu	5	3	4
Pepejal Terampai (TSS) (mg/L)	25mg/L @ 10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	50mg/L(25mg/L) @ ≤10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	100mg/L @ ≤10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	100mg/L @ ≤30% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah
Minyak dan Gris (mg/L)	0.01	0.14	5	0.14
Merkuri (Hg) (µg/L)	0.04	0.16(0.04)	50	0.5
Kadmium (Cd) (µg/L)	0.5	2(3)	10	2
Kromium (VI) (Cr VI) (µg/L)	5	10	48	10
Kuprum (µg/L)	1.3	2.9	10	2.9
Arsenik (III) (µg/L)	3	20(3)	50	20(3)
Plumbum (µg/L)	4.4	8.5	50	8.5
Zink (µg/L)	15	50	100	50
Sianida (µg/L)	2	7	20	7
Ammonia (Tidak Terion) (µg/L)	35	70	320	70
Nitrit (NO <sub>2</sub> ) (µg/L)	10	55	1000	55
Nitrat (NO <sub>3</sub> ) (µg/L)	10	60	1000	60
Fosfat (µg/L)	5	75	670	75
Fenol (µg/L)	1	10	100	10
Tributylin (TBT) (µg/L)	0.001	0.01	0.05	0.01
Faecal coliform (MPN/100mL)	70	100(70)	200	100(70)
Polycyclic Aromatic Hydrocarbon (PAHs)(µg/L)	100	200	1000	1000
KATEGORI INDEK IKAM	Terbaik 90 - 100	Baik 80 ≤ 90	Sederhana 50 ≤ 80	Tercemar 0 ≤ 50
KELAS	1	2	3	E

**Jadual 4.6 Kelantan:** Kriteria Dan Piawaian Kualiti Air Marin (KPKAM) Malaysia.

Hasil dari program pengawasan kualiti air marin bagi tahun 2015, sebanyak 12 buah stesen pensampelan kualiti air marin telah dipantau melibatkan lima (5) buah stesen kuala, lima (5) buah stesen pantai dan dua (2) buah stesen pulau. Pemilihan stesen-stesen tersebut berdasarkan kepada punca-punca pencemaran seperti sisa kumbahan dari pusat peranginan dan resort, aktiviti-aktiviti perkapalan atau bot nelayan serta punca-punca pencemaran dari daratan seperti pembuangan sisa domestik daripada kawasan perkampungan dan juga aktiviti-aktiviti pembukaan dan kerja-kerja tanah di sepanjang pantai atau tebing kuala sungai.

Sebanyak 48 pensampelan air marin telah dijalankan di 12 stesen yang dipilih. Hasil daripada analisis terhadap sampel-sampel yang diambil terhadap beberapa parameter utama kualiti air marin telah dijalankan bagi tahun 2015 di Negeri Kelantan bagi semua stesen pemantauan.

Berdasarkan purata pengiraan Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) semua stesen pemantauan berada antara julat 53 hingga 66 iaitu dalam kategori sederhana Kelas 3 seperti **Rajah 4.13**.



**Rajah 4.13 Kelantan :** Purata Indek Kualiti Air Marin (Ikam) bagi Negeri Kelantan, tahun 2015.


Gambarfoto 4.4 dan 4.5 menunjukkan stesen pengawasan air marin bagi stesen kuala dan pantai yang menjadi lokasi persampelan.



**Gambar foto 4.4 Kelantan:** Stesen Pengawasan Air Marin ( Kuala Sungai ).



**Gambar foto 4.5 Kelantan:** Stesen Pengawasan Air Marin ( Pantai).



# BAB 5

## PENDIDIKAN DAN SEBARAN MAKLUMAT

## 5.1 UNIT PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Unit Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar ditempatkan di bawah Bahagian Pembangunan yang digabungkan dibawah unit lain iaitu pengawasan, stor teknikal dan **Geographic Information System (GIS)**. Unit ini ditugaskan untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Program-program di bawah unit ini meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran, seminar/taklimat, hebahan dialog dan Sambutan Hari Bumi, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia dan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM). Disamping itu, unit ini juga ditugaskan untuk menambahkan bilangan Keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) bagi memberi pendedahan dan mendekatkan masyarakat sehingga ke akar umbi. Justeru itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah Berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti kesedaran di sepanjang tahun 2015 bertujuan untuk menyampaikan maklumat berkaitan kesedaran dalam menjaga alam sekitar di kalangan pelajar sekolah, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan masyarakat.



**Carta 5.1 Kelantan :** Carta Organisasi Unit Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2015.

## CERAMAH ALAM SEKITAR

Sepanjang tahun 2015, Jabatan telah menyampaikan ceramah atas jemputan ke sekolah menengah, sekolah rendah dan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta mengenai fungsi Jabatan Alam Sekitar, pencemaran alam sekitar dan bagaimana pemuliharaan alam sekitar dapat dilaksanakan. Sebanyak enam ceramah mengenai alam sekitar yang melibatkan setiap daerah di Negeri Kelantan telah disampaikan.

Selain itu juga, Jabatan ini sering menerima jemputan dari agensi luar dan masyarakat setempat untuk menyampaikan ceramah alam sekitar. Sebanyak enam (6) program ceramah telah direkodkan.

TARIKH	SASARAN	PROGRAM	TAJUK CERAMAH	ANJURAN
07.2.2015	Masyarakat Umum	Jom Cakna Komuniti	Isu Pembakaran Terbukasasara	Kerajaan Negeri Kelantan
22.4.2015	Pelajar Sekolah	Sempena Sambutan Hari Bumi 2015	Alam Sekitar Dan Pencemarannya	JASNK
08.8.2015	Masyarakat Umum	TASKA'S Go Green	Pengurusan Bahan Buangan Domestik	TADIKA HOMMALI
07.10.2015	Pelajar Sekolah	Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar	Alam Sekitar Dan Pencemarannya	JASNK
07.10.2015	Masyarakat Umum	Bersempena Program MASM	Rakan Alam Sekitar	JASNK
16.11.2015	Pelajar Sekolah	Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar	Alam Sekitar Dan Pencemarannya	JASNK

**Jadual 5.1 Kelantan :** Senarai ceramah yang telah disampaikan oleh Pegawai JAS Kelantan bagi tahun 2015



## SEMINAR DAN TAKLIMAT

Pada tahun 2015 program pendidikan dan kesedaran juga telah diterap kepada kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan sendiri melalui program seminar/taklimat yang disampaikan oleh pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan kepada agensi luar. Terdapat 11 program yang di laksanakan. Jadual di bawah menunjukkan senarai seminar/taklimat yang telah diadakan.

BIL	PERKARA	TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	SASARAN
1	Mesy/Bengkel SKT JASNK 2015	PCB Resort	16-17.1.2015	JASKEL	Semua Pegawai Teknikal dan Gred 22 ke atas
2	Taklimat bagi Pelajar Sarjana Kesihatan Awam (HUSM)	Bilik Mesyuarat Sri Kenali, JAS Kelantan	2.3.2015	JASKEL/USM	Pelajar USM
3	Ceramah Agama oleh Ustaz Suhaimi (JPPP)	Bilik Mesyuarat Sri Kenali, JAS Kelantan	26.3.2015	JASKEL/JPP	Semua Pegawai dan Kakitangan JASNK
4	Sesi Penerangan dan Taklimat Ringkas Amal Jariah YaPEIM	Bilik Mesyuarat Sri Kenali, JAS Kelantan	9.4.2015	JASKEL /YaPEIM	Semua Pegawai dan Kakitangan JASNK
5	Taklimat 3P	Pusat Pemindahan Sementara Mangsa Banjir di Bandar Utama Gua Musang	11.4.2015	JASKEL /BANDAR UTAMA GUA MUSANG/ Ahli 3P Gua Musang	Orang Awam
6	Taklimat Sempena Lawatan TKKP dan Pn. Rohimah Ayub ke JASNK	Bilik Mesyuarat Sri Kenali, JAS Kelantan	19.4.2015	JASKEL	Semua Pegawai dan Kakitangan JASNK
7	Seminar GST dan Kepenggunaan	RTC	19.4.2015	CUEPACS / KPDNKK	Kakitangan Kerajaan
8	Sesi Taklimat M-Force	Bilik Mesyuarat Sri Kenali, JAS Kelantan	27 - 28.4.2015	JAS HQ/ JASKEL	Semua Pegawai Teknikal
9	Seminar Pengurusan Buangan Terjadual Dan Bengkel Hands-On e SWISS	Hotel Emaslink Pasific	27.5.2015	JASKEL	Syarikat Swasta/ Bengkel/ Klinik dan Kilang
10	Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Bersama RAS dan 3P di Negeri Kelantan 2015	Pusat Transformasi Keilmuan Parlimen Machang, Bukit Tiu	14.6.2015	JASKEL/ Ahli 3P/ sekolah dan NGO'S	Orang Awam
11	Kajian Pengurusan Kawalan Banjir Negeri Kelantan Bersama UMK dan UTM	Bilik Mesyuarat Sri Kenali, JAS Kelantan	30.9.2015	JASKEL / UMK / UTM	Semua Pegawai dan Kakitangan JASNK

Jadual 5.2 Kelantan : Senarai seminar dan taklimat bagi tahun 2015

## PAMERAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan melalui Unit Pendidikan juga telah dijemput bagi mengadakan pameran bagi memberi pendedahan kepada pelajar dan orang awam berkaitan isu alam sekitar. Sebanyak 16 pameran yang telah dilaksanakan pada tahun 2015

BIL	PERKARA	TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	SASARAN
1	Bersempena Dengan Program Jom Cakna Komuniti Dan Kempen Sedut Dan Menang 2015	Taman Desa Kujid, Panji	07.2.2015	MAAJARI Services Sdn. Bhd	Masyarakat Umum
2	Bersempena Hari Keselamatan , Kesihatan Dan Alam Sekitar Ain Medicare S/B	Ain Medicare S/B	26.2.2015	Ain Medicare S/B	Pekerja-pekerja kakitangan kilang
3	Program Kesedaran Alam Sekitar 2015 Peringkat Jajahan Gua Musang Anjuran Jas Bersama Bandar Utama Gua Musang Dan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) Sempena Hari Bumi 2015	Tapak Penempatan Sementara Mangsa Banjir Gua Musang Di Bandar Utama Gua Musang	11.4.2015	JASKEL, Bandar Utama Gua Musang, Ahli 3P, Swasta, Industri, Sekolah dan NGO's	Masyarakat umum
4	Program Sambutan Hari Bumi MRSM Pengkalan Chepa , Kelantan	Dewan Bitara, MRSM Pengkalan Chepa	22.4.2015	MRSM Pengkalan Chepa	Pelajar sekolah dan kakitangan sekolah
5	Program Sambutan Hari Bumi MRSM Jeli , Kelantan	MRSM Jeli	22.4.2015	MRSM Jeli	Pelajar sekolah dan kakitangan sekolah
6	Program Sambutan Jubli Emas SMK Kubang Kerian	Kelas/dewan/khemah di SMK Kubang Kerian	28-29.4.2015	SMK Kubang Kerian	Pelajar sekolah dan kakitangan sekolah
7	Program Pelancaran Majlis Karnival Gabungan NGO (MGN) Tanah Merah Dan Penyerahan Watak Ahli 3P Di Kawasan Parlimen Tanah Merah	Padang SK Batang Merbau, Tanah Merah	16.5.2015	JASKEL, NGO's, Tanah Merah dan 3P Parlimen Tanah Merah	Masyarakat umum
8	Program DO Masuk Kampung Dan Majlis Penyerahan Watak 3P	Masjid Lo'ah, Bachok	21.5.2015	JASKEL	Masyarakat umum
9	Program Seminar Pengurusan Buangan Terjadual Dan	Hotel Emaslink Pacific, Kota Bharu, Kelantan	27.5.2015	JASKEL	Syarikat Swasta/ Bengkel/ Klinik dan Kilang

	Bengkel Hands-OnEswiss				
10	Sempena Program United Against Crime Kontijen Kelantan	RTC KELANTAN	4-6.6.2015	Polis Di Raja Malaysia Negeri Kelantan	Masyarakat umum
11	Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Bersama RAS Dan 3P Negeri Kelantan 2015	Pusat Transformasi Keilmuan Parlimen Machang, Bukit Tiu	14.6.2015	JASKEL	Masyarakat umum dan komuniti setempat
12	Kempen Alam Sekitar UiTM Machang	Pusat Pelajar, UiTM Machang	2.8.2015	UiTM Machang	Pelajar IPTA dan Masyarakat Umum
13	Pameran Alam Sekitar	Airport, Pengkalan Chepa	29.9.2015	Airport Pengkalan Chepa	Masyarakat Umum
14	Pameran Alam Sekitar	Sek.Keb. Mulong	7.10.2015	SK Mulong	Pelajar sekolah
15	Sempena Sambutan MASM 2015	Politeknik Kota Bharu	7.10.2015	JASKEL dan Politeknik KB	Pelajar IPT dan Masyarakat Umum
16	Pameran Jabatan Alam Sekitar Di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	Perkarangan Perpustakaan Awam Kelantan	1.11.2015	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	Masyarakat Umum

**Jadual 5.3 Kelantan :** Pameran yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015



## HEBAHAN MAKLUMAT MELALUI RADIO

Bagi tahun 2015, sebanyak lima (5) program telah dilaksanakan oleh pihak media dan Stesen Radio RTM Kelantan. Program tersebut dijalankan secara langsung di stesen Radio RTM atau melalui kiriman teks untuk diwar-warkan program berkenaan. Ia tujuan untuk menyedarkan pendengar seluruh Negeri Kelantan tentang kepentingan alam sekitar kepada kehidupan disamping menjawab isu-isu berkaitan bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar. Jadual di bawah menunjukkan senarai temuramah yang telah diadakan.

BIL.	TARIKH	PERKARA	TEMPAT	PEGAWAI JAS	JURUHEBAH
1	04.2.2015	Hebahan Kepada Orang Ramai Supaya Tidak Melakukan Pembakaran Terbuka	KELANTAN FM	En. Mohammad Zamzani Bin Ibrahim	DJ Romah
2	02.3.2015	Wawancara Berkaitan Situasi Panas Dan Kering Di Kelantan Dan Suasana Kualiti Udara Serta Pembakaran Terbuka Di Kelantan	KELANTAN FM	En. Mohammad Zamzani Bin Ibrahim	DJ Syah
3	27.4.2015	Wawancara Berkaitan Program Kesedaran Alam Sekitar Oleh Jas Kelantan. Penglibatan Masyarakat Dan Kesan Terhadap Program Yang Dilaksanakan	KELANTAN FM	En. Mohammad Zamzani Bin Ibrahim	DJ Lynn
4	09.6.2015	Wawancara Berkaitan Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Bersama Ras Dan 3p	KELANTAN FM	Pn. Muhibbah Bt Selamat	DJ Lynn
5	10.6.2015	Wawancara Berkaitan Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Bersama Ras Dan 3p (Secara Atas Talian)	KELANTAN FM	Pn. Muhibbah Bt Selamat	DJ Romah

**Jadual 5.4 Kelantan :** Senarai hebahan yang diadakan pada tahun 2015



## DIALOG

Bagi tahun 2015, terdapat dua (2) sesi dialog yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan.

BIL	TARIKH	TEMPAT	PROGRAM	ANJURAN	PEGAWAI TERLIBAT
1	26.4.2015	Bilik Mesy. Sri Kenali	Majlis Perjumpaan Dan Dialog Pengusaha- Pengusaha Batik Bersama YB Dr. Ramli bin Mamat	JASKEL	Pembatik / NGO / Pegawai JASNK
2	21.5.2015	Masjid Lo'ah, Bachok	Program Majlis Ketua Jajahan Bachok/ Yg Dipertua Majlis Daerah Bachok dengan Masyarakat Bersama Penyerahan Watikah Perlantikan Ahli 3P Bagi Parlimen Bachok	JASKEL	DO Kawasan Bachok/ Agensi Kerajaan

**Jadual 5.5 Kelantan :** Sesi dialog bagi tahun 2015

## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DAN NOTA KERJASAMA

Bagi tahun 2015, tiada sebarang majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Nota Kerjasama berbanding tahun-tahun sebelum ini. Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan masih mengekalkan bilangan yang sama bagi agensi yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Nota Kerjasama iaitu sebanyak 17 buah agensi yang terdiri daripada Agensi Kerajaan, Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Multinasional (MNC), Pihak Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's). **Jadual 9.6** menunjukkan nama syarikat yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Nota Kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan.

BIL	AGENSI
1.	Universiti Malaysia Kelantan
2.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar)
3.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada)
4.	Kilang Sawit Liziz
5.	Politeknik Kota Bharu

6.	Kelantan Biocorp Sdn Bhd
7.	Ain Medicare Sdn Bhd
8.	Enda Food Industries Sdn Bhd
9.	Gunong Stong State Park Resort
10.	Malaysia Nature Society (Kelantan)
11.	Pertubuhan Buddhist Tu –Chi Merit Sdn Bhd
12.	I.Z. Environmind Sdn Bhd
13.	Min's Agarwood Sdn Bhd
14.	Ethnik Production Sdn Bhd
15.	Pertubuhan Sahabat Alam Sekitar Malaysia
16.	KoperasiUsahawan Maju Kelantan Berhad
17.	Golden Ecosystem Sdn Bhd.

**Jadual 5.6 Kelantan** : Menunjukkan syarikat yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan.

### **Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Kelantan**

Sempena dengan Sambutan Hari Bumi 2015, JAS Cawangan Gua Musang telah mengambil inisiatif merangka satu program dengan mendapatkan kerjasama serta sokongan daripada JAS Negeri Kelantan, Bandar Utama Gua Musang Sdn. Bhd dan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) Parlimen Gua Musang menganjurkan satu Program Kesedaran Alam Sekitar 2015 Peringkat Jajahan Gua Musang pada 11 April 2015 bertempat di Tapak Penempatan Sementara Mangsa Banjir Gua Musang Di Bandar Utama Gua Musang.

Lokasi ini dipilih bersesuaian bertujuan untuk mendedahkan penduduk sekitar berkaitan pengurusan sisa agar dapat melahirkan komuniti yang berkeupayaan menguruskan sisa secara mampan bagi melindungi alam sekitar. Tema Hari bumi bagi tahun 2015 ialah ***It's Our Turn To Lead***.

Program ini bertujuan untuk mengeratkan perhubungan diantara masyarakat dan pengusaha kilang dengan agensi / wakil rakyat serta memberi kesedaran kepada masyarakat secara umumnya tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar, seterusnya mewujudkan kerjasama dalam membantu mengatasi sebarang masalah yang berkaitan.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan pelbagai pengisian aktiviti seperti Gotong –royong membersihkan kawasan sekitar penempatan, Pembelian barangan kitar semula serta demonstrasi daripada barangan kitar semula oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Pendaftaran Keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS), Kempen Menderma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan, Cabutan Nombor Bertuah, Persembahan Dikir Barat berkaitan isu alam sekitar dan nyanyian lagu dari pelajar sekolah Rendah Kebangsaan (Cina) berkaitan alam sekitar. Majlis telah disempurnakan oleh **Yang Berhormat Encik Ab Aziz bin Yusoff, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas**.

Objektif program adalah untuk

- a) Melahirkan komuniti yang menghargai alam sekitar dengan mengeratkan perhubungan / kerjasama di antara agensi, wakil rakyat dan masyarakat setempat;
- b) Mendidik komuniti tentang kaedah pengurusan sampah secara mampan;
- c) Menyemai perasaan bersyukur dengan kehijauan bumi Malaysia;
- d) Menikmati betapa pentingnya persekitaran yang sejahtera kepada manusia.

Seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah iaitu SM Tengku Indera Petra, SK Gua Musang, SRJK China, SK Tengku Fakri dan Sek Agama Rakyat (termasuk guru pengiring) dan dari ahli 3P, BUGG, MDGM & JAS.



Pendaftaran seawal 7.00 pagi



Acara Gotong Royong



Kempen program kitar semula dan pembelian barangan kitar semula



Antara agensi yang terlibat untuk mengadakan pameran



Pemeriksaan kesehatan secara percuma dan kempen menderma darah turut diadakan



Kehadiran tetamu VVIP dan jemputan





Antara Persembahan yang telah diadakan



Acara cabutan bertuah



Aktiviti penanaman pokok sebagai simbolik kepada Perasmian Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Kelantan 2015

**Gambar foto 5.1 Kelantan :** Menunjukkan pelaksanaan Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Kelantan 2015

## Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Kelantan



Pada 14 Jun 2015, JAS Kelantan telah mengadakan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia dengan melibatkan Rakan Alam Sekitar (RAS) Negeri Kelantan dan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi Parlimen Jeli, Machang dan Kota Bharu (Ketereh) di **Pusat Transformasi Keilmuan Parlimen Machang, Kampung Chering, Bukit Tiu, Machang**. Majlis disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Dato' Makhtar Bin Mustapha, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan .

Selain daripada itu, program ini turut melibatkan seluruh agensi-agensi kerajaan, Badan- Badan NGO's, rakan-rakan MoU, Pelajar IPTA dan IPTS, pelajar-pelajar sekolah dan penduduk kampung sekitar.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk menggerakkan Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) untuk bersama-sama dengan Jabatan bagi membantu, memantau dan melaporkan masalah pencemaran alam sekitar bagi membolehkan pihak Jabatan mengambil tindakan dengan dengan cepat dan cekap terutama aduan yang berulang.

Objektif program adalah :-

- a) Meningkatkan keupayaan dan keberkesanan ahli 3P dalam melaksanakan tugas sebagai mata dan telinga dalam membantu JAS mengawal pencemaran alam sekitar.
- b) Bertujuan bagi menangani isu aduan terutama aduan berulang di JAS Negeri Kelantan secara lebih berkesan .
- c) Membantu Jabatan Alam Sekitar dalam usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di komuniti setempat.

Seramai 400 orang yang telah hadir bagi menjayakan program ini yang terdiri daripada pelbagai golongan lapisan masyarakat iaitu;

- Komuniti Masyarakat Setempat
- JKPP Kg. Cherang, Bukit Tiu

- Belia & Beliawanis Kg. Cherang, Bukit Tiu
- Ketua Wanita
- Penggawa / Penghulu
- Pelajar IPTA/ IPTS
- Agensi-agensi Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan
- Agensi Menandatangani MoU/Nota Kerjasama
- Ahli Pasukan Pemantau Pencemaran (3P)
- NGO's



Ketibaan tetamu VVIP disambut dengan persembahan rebana



Hadirin yang hadir



Ucapan Perasmian Perasmian Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPP), Yang Amat Berbahagia Dato' Makhtar Bin Mustapha



Penyampaian Watakah dan bacaan ikrar Ahli 3P bagi Parlimen Machang



Antara agensi yang terlibat dengan pameran

**Gambar foto 5.2 Kelantan :** Menunjukkan pelaksanaan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Kelantan 2015

## Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM)

Bagi tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah melaksanakan dua (2) buah program bersempena dengan Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) 2015 Peringkat Negeri Kelantan di dua lokasi yang berbeza iaitu satu di Daerah Pasir Mas dan satu lagi di Daerah Jeli.

### **Majlis Perasmian Program Pemantapan Kesedaran Alam Sekitar Bersama Ahli 3P Dan Komuniti Setempat Sempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kelantan 2015**

Majlis Perasmian Program Pemantapan Kesedaran Alam Sekitar Bersama Ahli 3P Dan Komuniti Setempat Sempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kelantan 2015 telah dirasmikan oleh **YB Dr. Ramli Bin Mamat selaku Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Rakyat, Kesihatan, Alam Sekitar dan NGO**. Turut sama hadir di majlis tersebut adalah **Dr. Haji Che Hamat Bin Haji Che Muda, Ketua Jajahan Pasir Mas**. Majlis telah diadakan pada 07 November 2015 dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang di Dewan Utama Majlis Daerah Pasir Mas, Mukim Apam, Pasir Mas, Kelantan.

Lokasi ini dipilih memandangkan ketika itu, Seluruh Malaysia termasuklah Negeri Kelantan telah dilanda Jerebu. Justeru itu, JAS Kelantan mengambil inisiatif bagi mengadakan aktiviti secara tertutup agar aktiviti kesedaran dapat dilaksanakan dan dalam masa yang sama kesihatan dan pendedahan masyarakat kepada faktor cuaca tersebut dapat dijaga. Orang awam diharap dapat menerima penyampaian maklumat dan pengetahuan serta kesedaran terhadap alam sekitar melalui aktiviti yang telah dilaksanakan.

Objektif program adalah untuk

- a) Program ini dapat mengeratkan kerjasama antara Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar;
- b) Ia juga dapat meningkatkan kesedaran penjagaan dan perlindungan alam sekitar dikalangan masyarakat; serta
- c) Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam usaha kerajaan untuk menjaga dan memulihara alam sekitar demi kesejahteraan bersama.

## Aktiviti yang dilaksanakan

### a) **Taklimat daripada JAS berkaitan Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P)**

- Bertujuan untuk memberi pendedahan dan peranan ahli-ahli 3P yang dilantik kepada masyarakat umum;

### b) **Ceramah daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat**

- Ceramah telah disampaikan oleh En. Zulkifli Bin Bakar selaku Timbalan Pengarah Bomba Kelantan dari Ibu Pejabat Bomba Negeri. Tajuk yang disampaikan adalah berkaitan Kawalan Kebakaran Tanah Gambut.
- Ceramah ini menekankan tentang larangan melakukan pembakaran terbuka terutama sekali di kawasan tanah gambut kerana ia berpotensi akan menyebabkan pembakaran tersebut menjadi lebih serius terutama dalam keadaan berjerebu ketika ini.

### c) **Ikrar 3P**

- Lafaz Ikrar 3P telah disampaikan oleh Ahli-ahli 3P yang telah dilantik oleh JAS Kelantan yang terdiri daripada ahli 3P kawasan Pasir Mas dan Bachok. Ahli-ahli tersebut berperanan sebagai mata dan telinga kepada JAS untuk sama-sama menanggapi isu alam sekitar.

### d) **Cabutan Bertuah**

- Selain itu, cabutan bertuah turut diadakan bagi memeriahkan lagi majlis pada hari tersebut.

### e) **Pameran**

- Pameran daripada pihak JAS Kelantan dan pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat turut sama diadakan bagi menyalurkan maklumat secara tidak langsung kepada masyarakat umum.

Seramai 250 orang yang terdiri daripada:

- a) Pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Pasir Mas;
- b) Pelajar SMK Tiang Chandi, Lubok Jong ;
- c) Kelab Keselamatan Daerah Tanah Merah Machang dan Jeli (SKTMJ);
- a) Ahli Pasukan Pemantau Pencemaran (3P);
- e) Pekilang dan Pekebun-pekebun kecil
- f) Penduduk Setempat



Ceramah yang disampaikan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat



Pameran dari pihak JAS Kelantan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



**Dari kiri :** En Hamzah Bin Mohamad (Pengarah JAS Kelantan), YB Dr. Ramli Bin Mamat (Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Rakyat, Kesihatan, Alam Sekitar dan NGO) dan Dr Hj. Che Hamat Bin Hj. Che Muda (Ketua Jajahan Pasir Mas) mengambil tempat.



Penyampaian cenderahati kepada penceramah jemputan dan Ketua Jajahan Pasir Mas



Lafaz Ikrar daripada Ahli 3P

**Gambar foto 5.3 Kelantan :** Sambutan Program Pemantapan Kesedaran Alam Sekitar Bersama Ahli 3P Dan Komuniti Setempat Sempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kelantan 2015

## Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kelantan 2015 di Jeli



Sambutan MASM di Jeli pada kali ini merupakan kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Jeli. Bersempena dengan tema pada tahun ini “**Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari**”, Jabatan ini telah merencanakan beberapa program yang dilihat dapat mencerminkan matlamat dan objektif kedua-dua pihak. Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kelantan 2015 di Jeli telah dirasmikan oleh **YB Dato’ Sri Hj. Mustapa Bin Mohamed yang merupakan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Merangkap Ahli Parlimen Jeli**.

Majlis telah diadakan pada 29 November 2015, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Jeli, Kelantan.

Objektif program adalah:-

- d) Program ini dapat mengeratkan kerjasama antara Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar;
- e) Ia juga dapat meningkatkan kesedaran penjagaan dan perlindungan alam sekitar dikalangan masyarakat; serta
- f) Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam usaha kerajaan untuk menjaga dan memulihara alam sekitar demi kesejahteraan bersama.

Beberapa aktiviti telah dilaksanakan seperti:-

### a) **Pertandingan Gubahan Barangan Kitar Semula bertujuan untuk:**

Memupuk masyarakat menjadi lebih kreatif menggunakan barangan terbuang untuk di kitar semula menjadi satu barangan lain yang **berbeza rupa dan fungsi**. Ianya dapat membantu pengurangan bahan buangan dan mengurangkan pembaziran penggunaan sumber semulajadi dalam usaha kita memelihara alam sekitar.

Selain itu juga, barangan yang dihasilkan dapat menjana pendapatan bagi meningkatkan sumber pendapatan penduduk di Negeri Kelantan;

Penyertaan adalah terbuka kepada semua ahli RAS di Negeri Kelantan dimana peserta membawa barangan yang terdiri daripada barangan terbuang dan mengubah barangan kitar semula tersebut kepada satu seni kreatif. Gubahan dipamerkan kepada pengunjung.

Menambahkan lagi keunikan pertandingan ini, pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada penilaian yang diberikan oleh pengunjung yang hadir melawat ke lokasi pertandingan dan juga daripada pengadil profesional.

**b) Aktiviti Perlawanan Persahabatan Futsal bertujuan untuk:**

Merapatkan hubungan silaturrahim kerana ia lebih berkongsep acara hiburan bukan pertandingan.

**c) Pertandingan Mewarna bertujuan untuk:**

Menerapkan nilai-nilai murni berkaitan alam sekitar melalui elemen lukisan kepada kanak-kanak yang berumur 6 tahun. Ini kerana kanak-kanak mudah menerima pembelajaran melalui lukisan selain nyanyian berbanding melalui bahan bacaan.

Peserta dibenarkan membawa bahan/alat melukis sendiri. Kertas lukisan disediakan oleh pihak penganjur. Terbuka kepada kanak-kanak berumur 5-6 tahun. Masa yang ditetapkan ialah satu (1) jam.

Selain daripada itu, beberapa aktiviti sampingan turut diadakan seperti:-

- a) Gerai-Gerai Jualan;
- b) Booth Pameran
- c) Kuiz Alam Sekitar
- d) Persembahan Dikir Barat
- e) Ceramah/taklimat
- f) Kayuhan Hijau
- g) Senamrobik



Pertandingan mewarna kanak-kanak



Peserta Kayuhan Hijau



Ucapan aluan oleh Pengarah JAS Negeri Kelantan, En Hamzah Bin Mohamad



Ucapan Perasmian oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Merangkap Ahli Parlimen Jeli, YB Dato' Sri Hj. Mustapa Bin Mohamed.



Penyampaian Barangan kepada Ahli 3P dan hadiah kepada pemenang pertandingan Gubahan, mewarna dan futsal



Penyampaian Cenderahati kepada VVIP jemputan



Lawatan YB Dato' Sri ke 'Booth' pameran



Persembahan Dikir Barat

**Gambar foto 5.4 Kelantan :** Menunjukkan pelaksanaan Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kelantan 2015 di Jeli.


### KEAHLIAN RAKAN ALAM SEKITAR (RAS)

Rakan Alam Sekitar merupakan satu program di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bertujuan untuk membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Jabatan Alam Sekitar telah dilantik sebagai urusetia program tersebut dan aktiviti-aktiviti dilaksanakan secara menyeluruh untuk setiap Jabatan Alam Sekitar seluruh negeri untuk penambahan bilangan keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) dan juga pelaksanaan aktiviti bersama ahli-ahli RAS.


#### Pecahan Ahli Mengikut Daerah

DAERAH	JUMLAH AHLI	PERATUS(%)
Tiada maklumat daerah	269	5
Bachok	1205	22
Kota Bharu	1702	32
Machang	192	4
Pasir mas	585	11
Pasir putih	176	3
Tanah merah	372	7
Tumpat	282	5
Ulu Kelantan/Gua Musang	269	5
Kuala Krai	153	3
Jeli	158	3
<b>Jumlah :</b>	<b>5362</b>	<b>100%</b>

**Jadual 5.7 Kelantan :** Menunjukkan pecahan Ahli RAS mengikut Daerah bagi tahun 2015



**Rajah 5.1 Kelantan :** Menunjukkan pecahan Ahli RAS mengikut umur bagi tahun 2015



**Rajah 5.2 Kelantan :** Menunjukkan pecahan Ahli RAS mengikut jantina bagi tahun 2015

## PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2015

Bagi Tahun 2015, sebanyak 10 buah program telah berjaya dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan di bawah Rakan Alam Sekitar (RAS). Antara program-program tersebut adalah seperti di bawah:-

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN	SASARAN
1	Program Kesedaran Alam Sekitar 2015 Peringkat Jajahan Gua Musang Anjuran JAS Bersama Bandar Utama Gua Musang Dan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) Sempena Hari Bumi 2015	11.4.15	Tapak Penempatan Sementara Mangsa Banjir Gua Musang Di Bandar Utama Gua Musang	JASKEL, Bandar Utama Gua Musang, Ahli 3P, Swasta, Industri, Sekolah dan NGO's	Masyarakat Umum, Ahli 3P dan Pemimpin setempat
2	Majlis Perjumpaan Dan Dialog Pengusaha-Pengusaha Batik Bersama YB Dr. Ramli bin Mamat	26.4.15	Bilik Mesy. Sri Kenali	Exco Alam Sekitar, JASKEL, dan Pembatik	Pembatik, Pemimpin setempat, agensi kerajaan dan swasta
3	Jemputan Menghadiri Mesyuarat Perlaksanaan Program 3P di Kawasan-kawasan parlimen yang terlibat	30.4.15	Bilik Mesy. Sri Kenali	JASKEL dan Ahli 3P	Ahli 3P
4	Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Ahli 3P Bagi Kawasan Parlimen Tanah Merah Bersama Program NGO Bersama Rakyat Parlimen Tanah Merah Dun Kemahang	16.5.15	SK Batang Merbau, Tanah Merah	JASKEL, Ahli 3P, syarikat swasta dan NGO's	Masyarakat Umum, Pemimpin setempat, Ahli 3P dan NGO's
5	Program Majlis Ketua Jajahan Bachok/ Yg Dipertua Majlis Daerah Bachok dengan Masyarakat Bersama Penyerahan Watikah Perlantikan Ahli 3P Bagi Parlimen Bachok	21.5.15	Masjid Lo'ak	JASKEL, Ahli 3P, Swasta dan NGO	Masyarakat Umum, Pemimpin setempat, Ahli 3P dan NGO's
6	Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Ahli 3P Bagi Kawasan Parlimen Pasir Mas dan Rantau Panjang	11.6.15	Pej Tanah Jajahan Pasir Mas	JASKEL dan Ahli 3P	Ahli 3P

7	Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Kelantan 2015 Bersama Rakan Alam Sekitar (RAS) Dan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P)	14.6.15	Pusat Transformasi Keilmuan Parlimen Machang, Bukit Tiu	JASKEL, Ahli RAS, Ahli 3P, Swasta, Industri, Sekolah dan NGO's	Masyarakat Umum, Pemimpin setempat, Swasta, Industri, Sekolah Ahli 3P dan NGO's
8	Operasi Bersepadu bersama AADK, JPJ dan Polis Trafik	28.10.15	JPJ Bukit Jawa	JASKEL	Pengguna Jalanraya
9	Program Pemantapan Kesedaran Alam Sekitar Bersama Ahli 3P Dan Komuniti Setempat Sempena Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kelantan	07.11.15	Dewan Utama Majlis Daerah Pasir Mas, Lubok Jong, Pasir Mas	JASKEL, Ahli RAS, Ahli 3P, Swasta, Industri, Sekolah dan NGO's	Masyarakat Umum, Pemimpin setempat, Swasta, Industri, Sekolah Ahli 3P dan NGO's
10	Sambutan Minggu Alam Sekitar (MASM) Peringkat Negeri Kelantan 2015	29.11.15	Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli	JASKEL, UMK Jeli, Ahli RAS, Ahli 3P, Swasta, Industri, Sekolah dan NGO's	Masyarakat Umum, Pemimpin setempat, Swasta, Industri, Sekolah Ahli 3P dan NGO's

**Jadual 5.8 Kelantan** : Menunjukkan senarai program yang telah dilaksanakan bagi tahun 2015 di bawah peruntukan Rakan Alam Sekitar (RAS).

